



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA**

**PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2021**

**PADA 9 OKTOBER 2021 (SABTU)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Salutasi akan disediakan

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua, kita dapat bersama-sama menghadiri Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya tahun 2021. Seperti yang kita sedia maklum tahun ini merupakan tahun ketujuh kita meraikan sambutan Hari Sukan Negara yang telah diperkenalkan sejak dari tahun 2015.
2. Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan sambutan Hari Sukan Negara 2021 disambut secara serentak pada hari ini, 9 Oktober 2021 di seluruh negara dengan pelaksanaan secara sederhana, termasuklah secara hybrid, memandangkan kita masih berada dalam situasi pandemik Covid-19.
3. Malah acara sambutan peringkat Kementerian Kerja Raya pada pagi ini turut melibatkan penyertaan warga Kementerian dan Agensi secara maya, dan secara langsung di kediaman masing-masing.

## **PENGLIBATAN / KEJAYAAN DALAM SUKAN**

Warga Kementerian Kerja Raya dan agensi yang saya kasihi sekalian,

4. Memandangkan pentingnya amalan gaya hidup sihat, setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan telah disarankan untuk menggalakkan aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan di kalangan kakitangan dengan

berlandaskan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

5. Saya gembira kerana di kalangan warga kerja KKR dan agensi serta anak-anak mereka, bukan sahaja ramai yang aktif bersukan, malah ada yang menjadi wakil sehingga ke peringkat antarabangsa. Antaranya Puan Noraina Mahat dari JKR Daerah Rembau yang pernah mewakili Negara ke Kejohanan Blueseeds Cup International Women's Baseball di Taiwan, Sout East Asia Women's Baseball dan Kejohanan Terbuka Antarabangsa Softball di Thailand. Begitu juga Encik Fadil bin Ismail dari Bahagian Teknologi Maklumat CDPK yang pernah enam kali menyertai Sukan Perahu Naga di peringkat antarabangsa antara 2009 hingga 2019.

6. Saya juga difahamkan ada di kalangan pegawai dan kakitangan KKR, JKR, CIDB dan LLM yang menyertai sukan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, antaranya dalam sukan bolasepak, futsal, ragbi, tenis, golf, catur, baseball, duathlon dan marathon. Lima orang warga kerja LLM juga turut memiliki lesen pengadilan bolasepak kelas 3 FAM dan Lesen Kejurulatihan Bolasepak Kelas C. Begitu juga anak-anak warga kementerian dan agensi, ada yang mewakili negara di peringkat antarabangsa dalam sukan ragbi, skuasy, kriket, memanah dan catur, selain ramai yang menjadi wakil di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan serta ada juga yang belajar di Sekolah Sukan.

7. Di KKR juga , selain aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Dan Rekreasi Kementerian Kerja Raya (KSKKKR), saya difahamkan ada juga aktiviti bersukan dianjurkan oleh Persatuan "KKR'S Night Run" yang diadakan hampir setiap hari. KKR's Night Run melibatkan penyertaan lebih 20 kakitangan sokongan pelbagai gred yang aktif menganjurkan aktiviti larian atau berjoging di sekitar pejabat KKR,

berbasikal, angkat beban (bina badan), dan aktiviti hiking serta rekreasi di luar pejabat. Persatuan ini menggerakkan aktiviti berkenaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1, iaitu pada Mac 2020. Syabas diucapkan kepada semua ahli KKR's Night Run. Tahniah juga kepada Datuk Zahrul Hakim Abdullah, SUB Bahagian Pembangunan dan Penswastan, KKR, yang telah menggerakkan inisiatif seperti ini bagi melahirkan warga KKR yang aktif dan sihat.

## **HARI SUKAN NEGARA PLATFORM PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA**

Warga kerja yang saya kasihi sekalian,

8. Hari Sukan Negara yang kita raikan setiap tahun, adalah platform terbaik untuk memupuk dan menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan kita semua yang merupakan ahli Keluarga Malaysia. Prinsip Perpaduan dalam Kepelbagaian di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 turut memberi tumpuan kepada keberhasilan penggalakan aktiviti sosial melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dengan antaranya direalisasikan melalui platform sukan.

9. Sukan dilihat sebagai wadah dan medium dalam menyemai sikap patriotik dan perpaduan negara. Sukan tidak pernah gagal untuk menyatukan masyarakat kita dari dahulu sehingga kini. Sokongan padu setiap lapisan rakyat Malaysia kepada atlit negara semasa pesta sukan Olimpik di Tokyo dan pertandingan badminton Piala Sudirman baru-baru ini membuktikan bahawa kecintaan kepada negara melalui hasrat dan dorongan untuk peserta negara, merentasi sempadan kaum dan agama.

## **PENUTUP**

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan acara pada hari ini.

11. Semoga aktiviti sebegini, mampu meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Jadikanlah aktiviti sukan dan gaya hidup sihat sebagai amalan sepanjang hayat.

12. Akhir kata dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya melancarkan Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2021.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.